

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR LANSKAP TANAH LAPANG  
TAMAN BAYU MUTIARA OLEH TOKONG ANG SAN KING  
PADA 7 JUN 2014 (SABTU) , JAM 8.00 PAGI**

---

Yang Berhormat Tuan Ong Chin Wen  
ADUN Bukit Tengah

Yang Berhormat Puan Kasthuriraani A/P Patto  
Ahli Parlimen Batu Kawan

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Haji Mohamud  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha En Ang Chai Kooi  
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Tokong Ang San King

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ahli Jawatankuasa Tokong Ang San King

Guru Besar SJKC Peng Bin

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....

Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur kita kerana dikurniakan kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menghadiri Majlis Perasmian Projek CSR Lanskap Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara oleh Tokong Ang San King pada pagi yang berbahagia ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Program CSR (*Corporate Social Responsibility*) adalah satu mekanisma 4P's (Public, Private, People Partnership) MPSP untuk merapatkan lagi perhubungan diantara orang ramai dan pihak MPSP. Dengan adanya Program CSR ini, MPSP dan orang ramai boleh berganding bahu untuk menjaga dan menambah baik alam sekitar. Program ini telah dilancarkan pada Jun 2011. Mekanisma CSR dan 4 P's ini telah banyak membantu MPSP dalam menambah baik perkhidmatan dengan adanya penglibatan bersama orang ramai. CSR dan 4 P's ini boleh dijalankan dalam bentuk projek dan kegiatan aktiviti. CSR dan 4 P's ini juga boleh dijalankan oleh individu, syarikat, persatuan, pemaju, industri, sekolah dan lain-lain.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, pada Januari 2013 yang lalu Majlis Perbandaran Seberang Perai ( MPSP ) telah menerima permohonan dari Pengerusi "*Committee Of Management Of Ang San King Temple*" Encik Ang Chai Kooi untuk menaja CSR lanskap di tanah lapang, Taman Bayu Mutiara. Projek ini terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama merangkumi pembinaan pondok rehat, pemasangan pagar, pembinaan *Jogging Track* dan pembinaan penutup konkrit bagi parit sedia ada. Saya difahamkan sebanyak RM 45,000 telah dibelanjakan untuk kos keseluruhan projek fasa pertama ini. Projek fasa pertama mula dijalankan pada 18 November 2013 dan telah selamat disempurnakan pada 1 Jun 2014 yang lalu. Projek ini berjaya mencapai sasaran siap sepenuhnya yang memakan masa selama setengah tahun.

Projek fasa 2 Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara pula dijangka siap 1 tahun setengah lagi juga akan lebih tertumpu kepada penaiktarafan dan penambahan untuk kemudahan rekreasi seperti penambahan pondok rehat untuk warga emas, *jogging track*, penambahan lampu dan padang futsal.

Hadirin sekalian,

Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara adalah projek yang ke-8 yang telah siap dibawah Program CSR Lanskap MPSP bagi daerah Seberang Perai Tengah. Selain itu, lima lokasi projek telah dikenalpasti ada penaja tapi belum dilaksanakan, lima lokasi yang ada penaja dan sedang dilaksanakan dan juga lapan lokasi yang belum lagi ada penaja yang kesemuanya di bawah daerah Seberang Perai Tengah. Keseluruhan sebanyak 18 tapak akan siap dan 8 lagi tapak boleh ditaja oleh orang ramai. MPSP juga telah menyenaraikan kira-kira 8 lokasi yang sesuai di kawasan SPT yang boleh diambil oleh individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk projek CSR landskap.

Sebanyak 8 lokasi yang belum ditaja adalah seperti di :

1. Bulatan Perusahaan Perai, SPT
2. Bulatan Seberang Jaya, SPT
3. Bulatan Bukit Minyak A, SPT
4. Pintu Masuk Machang Bubuk, SPT
5. Jalan Baru Perai, SPT
6. Taman Bandar Ampang Jajar, SPT
7. Taman Semilang, Seberang Jaya, SPT
8. Kolam Teratai, Taman Desa Damai SPT

Dalam kawasan pentadbiran MPSP masih terdapat banyak lagi kawasan lapang yang perlu diperindahkan lagi. Pinggir jalan juga haruslah ditanam dengan pokok bunga dan diselenggara dengan baik dan menarik demi menjadikan Seberang Perai bersih, hijau dan indah permai. Pihak MPSP sentiasa memberi peluang kepada setiap agensi yang berminat untuk mengambil kawasan-kawasan lapang sebagai anak angkat kepada projek CSR.

Hadirin yang dimuliakan,

Selain dari tanah lapang untuk lanskap, MPSP juga mempunyai sebanyak 1038 buah pondok bus yang boleh dijadikan projek CSR dan 4 P's bagi pihak yang berminat. Sehingga sekarang sebanyak 29 buah pondok bus telah dianak angkatkan dalam projek CSR dan 4 P's. Dengan projek CSR dan 4 P's ini, boleh menggalakkan masyarakat mempunyai sikap *sense of ownership* , *sence of belonging and pride*.

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program CSR dan membantu MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi satu masyarakat

yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Dengan ini saya merasmikan Projek 'Corporate Social Responsibility' (CSR) Lanskap Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara oleh Tokong Ang San King.

Sekian, terima kasih.